

BULETIN SUKAN

EDISI SEPTEMBER 2024

KEJOHANAN SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (SUKIPT) 2024



Sekalung syabas dan tahniah diucapkan buat Kontinjen Universiti Putra Malaysia atas sumbangan dan semangat untuk mengharumkan nama UPM di Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2024 bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah dengan merangkul 38 Emas, 19 Perak dan 21 Gangsa. Untuk makluman, kontinjen UPM telah berjaya mencapai sasaran pingat emas yang ditetapkan iaitu 32 pingat emas. Kejohanan ini telah berlangsung bermula pada 6 hingga 14 September 2024. Ucapan tahniah dan terima kasih juga diucapkan kepada para sekretariat, pengurus-pengurus pasukan serta jurulatih yang telah menyumbang masa dan tenaga dalam memastikan atlet-atlet UPM dapat beraksi dengan cemerlang.

SKUAD RAGBI TIADA TANDINGAN

Pasukan Ragbi UPM berjaya mengekalkan kejuaraan buat kali kelima berturut-turut di Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2024 yang berlangsung di padang ragbi Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 8 September 2024. Mereka berjaya merangkul pingat Emas selepas membenam Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan keputusan (21-0). Ditambah manis kejayaan merangkul emas ini dicapai tanpa bolos sejak acara itu berlangsung Jumaat lalu dengan menewaskan UniKL (32-0), IPG KL (29-0), UTEM (34-0) dan Politeknik (24-0) dalam saingan Kumpulan F.



OLAHRAGA MENYINAR DI SUKIPT 2024



Pasukan Olahraga UPM berjaya meraih 20 pingat Emas, 7 pingat Perak dan 5 pingat Gangsa di Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2024. Alif Iman dan Azreen Nabila dinobatkan atlet terpentas di SUKIPT 2024 apabila memenangi pingat emas bagi acara 100m lelaki dan wanita. Bertambah manis apabila Nurul Ashikin Abas berjaya menjadi Atlet Olahraga Terbaik Wanita selepas menggondol 2 pingat emas dalam acara Lompat Kijang Wanita dan Lompat Jauh Wanita. Sekalung tahniah buat pasukan olahraga UPM atas pencapaian yang amat membanggakan di kejohanan kali ini.

JAWATANKUASA BULETIN SUKAN UPM

Penasihat: Dr. Hanafiah Ayub A.M.N | Ketua Editor: Pn. Nor Haya binti Yaakob | Editor: Zawin Nadjah binti Mohamad Hatta

SCOTLAND HOCKEY LEAGUE 2024



Sekalung syabas dan tahniah buat tiga mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana terpilih untuk mewakili Kelab Hoki Uddingston yang akan bermain di Scotland Hockey League 2024 bermula 14 September 2024 hingga 15 November 2024.

Berikut merupakan senarai mahasiswa yang terpilih:

1. NURUL FATIN FATIAH BINTI AZMAN, FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN
2. KHAIRUNNISA AYUNI BINTI MOHD SHARUDDIN, FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI
3. MUHAMMAD FAHMI BIN KHALID, FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI

KEJOHANAN TROFI JUARA-JUARA ASIA (ACT) 2024



Sekalung syabas dan tahniah buat empat mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana terpilih untuk mewakili Pasukan Senior Lelaki Kebangsaan untuk membawa cabaran negara ke Kejohanan Trofi Juara-Juara Asia (ACT) 2024, Hulunbuir, Inner Mongolia, China. Kejohanan ini akan berlangsung pada 8 hingga 17 September 2024.

Berikut merupakan mahasiswa yang mewakili Pasukan Negara:

1. AKHIMULLAH ANUAR ESOOK, FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI
2. AMIRUL HAMIZAN AZHAR, FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI
3. SYAWAL RAZAK, FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI
4. MUHAJIR ABDU RAUF, FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI

ACE CHALLENGER TOUR 12K 2024



Tahniah diucapkan kepada saudari Noor Ainaa Amani athlete skuasy negara dan UPM dari (Fakulti Ekologi Manusia) di atas kejayaan meraih pingat emas sekaligus dinobatkan sebagai juara Ace Chanllenger Tour 12K 2024.

10th ASIAN WUSHU CHAMPIONSHIPS

Sekalung tahniah dan syabas buat Tan Cheong Min dari Sekolah Peniagaan Ekonomi telah menggondol 1 pingat Emas 2 Perak di 10th Asian Wushu Championships bertempat Macau, China.

Beliau telah memenangi pingat emas bagi acara Women Nandao, pingat perak bagi acara Women Naquan dan Women Nangun.



MALAYSIAN INDOOR HOCKEY LEAGUE 2024 MENS & WOMENS

Syabas & tahniah kepada atlet pasukan Hoki UPM yang telah terpilih mewakili Pasukan KPT (Malaysia University) di Kejohanan Liga Hoki Dalam Dewan Malaysia (MIHL), Edisi Ke-3 yang telah bermula pada 14-21 September 2024 bertempat di loi City Mall Putrajaya.

Untuk makluman, pasukan KPT (Malaysia University) women berjaya mendapat tempat Ke-3 dalam liga tersebut dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000.00.

Berikut merupakan mahasiswi yang mewakili pasukan KPT (Malaysia University):

Pemain

1. NOR AS FARINA ISAHYIFIQA / Fakulti Pengajian Pendidikan
2. NUR SOFIA BT MUHAMAD AZMAN / Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
3. NUR SYAZA AFIAH BINTI SAFAWI / Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
4. SITI NUR HUSNA BINTI MOHD NOH / Fakulti Pengajian Pendidikan
5. NUR SHAZWANI BINTI ZAKARIA / Fakulti Pengajian Pendidikan
6. DIAN NURSYAKIRA NAJWA AL-WADQA BINTI NAZERI / Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi



KEJOHANAN SEPAKTAKRAW LEAGUE PREMIER 2024

Selamat berjuang buat pasukan Sepaktakraw KPT-MASUM KNIGHTS yang membawa cabaran di Kejohanan Sepaktakraw League Premier 2024. Berikut merupakan senarai nama pemain yang akan memberi saingan di kejohanan tersebut:

1. NAJMI SYAHFIQ ANUAR, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM
2. MUHAMMAD FAISAL MOHD FUAD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM
3. MUHAMMAD AMAR ROSLAN, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM
4. KHAIRUL HAFIFI TAJUDIN, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM
5. NUR HAZIQ NORALI, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM
6. AMIR SYAHIRAN MOHD FUZI, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM
7. MUHAMMAD AIMA HAKIM ZAKARI, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM
8. MUHAMMAD HAIKAL HUZAIMI ABD RAZAK, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM

